

GERBANG VARSITI KITA

Korpus Sejarah UKM

SEJARAH KUMPULAN INOVASI PTSL DULU-DULU

Encik Zainal Azman Rajudin, Ketua Pustakawan telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) peringkat Universiti pada 9 Mei 1995.

Sepanjang tempoh tersebut sesi latihan, bengkel, lawatan KMK dianjurkan oleh Perpustakaan bagi membudayakan KMK di kalangan warganya. Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) diwujudkan pada 25 Jun 1996. 14 Kumpulan KMK telah ditubuhkan yang mewakili unit / cawangan:

Bil	Bahagian / Unit	Kumpulan
1.	Bahagian Pentadbiran & Sokongan	KMK Teras
2.	Jabatan Pengurusan & Perkhidmatan Maklumat	KMK Pantas KMK Semarak
3.	Jabatan Pengurusan Koleksi Penyelidikan & Khas	KMK Mediatek KMK Warisan
4.	Jabatan Pengurusan & Sumber Maklumat	KMK Nadi KMK Perdana KMK Saga KMK Sebar
5.	Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu	KMK PATMA
6.	Perpustakaan Undang-Undang	KMK Neraca
7.	Perpustakaan Perubatan	KMK Mission KMK RSD
8.	Perpustakaan HUKM	KMK Maya

Satu Pertandingan KMK telah diadakan pada tahun tersebut. Ketua Pustakawan Cik Norsham Muslim telah memberi sumbangan sebuah piala pusingan yang diberi nama "Piala Tiara". Manakala pustakawan UKM menyumbangkan "Piala Permai" untuk johan pertandingan.

Johan pertandingan adalah KMK Neraca, diikuti Naib Johan, KMK PATMA dan tempat ketiga KMK Semarak. Manakala Hadiah Khas milik KMK Mediatek, KMK Nadi, KMK Pantas, KMK Saga dan KMK Warisan.

Kejayaan Kumpulan KMK Perpustakaan di Peringkat UKM dan Kebangsaan:

BIL	KUMPULAN	KONVENSYEN	ANUGERAH	TAJUK PROJEK	INOVASI
1.	KMK Semarak	Konvensyen KMK ke-5 UKM 2000	Johan	Pembaziran Hasil Pencarian Maklumat Dari Pangkalan Data NSTP On-Line.	Pangkalan Data Dalam BETA (Berita Arkib) (Perisian Folio Views)
2.	KMK Pantas	Konvensyen KMK ke-5 UKM 2000	Tempat ke-4		
3.	KMK Warisan	Konvensyen KMK ke-5 UKM 2002	Johan	Sistem Pinjaman / Pemulangan Bahan Koleksi Asia Tenggara dan Koleksi Dokumen kurang berkesan.	Papan Penanda
		Konvensyen KMK kali ke-16 Peringkat Negeri Selangor (9-10 Jun 2003)	Johan		
4.	KMK Siber	Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) Peringkat Kebangsaan ke 20 bagi Sektor Awam dan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 2003 (18-23 Ogos 2003)	Johan		
		Konvensyen KMK ke 6 UKM 2004	Naib Johan		
		Konvensyen KMK Peringkat IPTA pertama di UiTM Shah Alam. (24 September 2004)	Sagu Hati	Proses pengesanan buku di rak Koleksi Am yang kurang berkesan	Petunjuk dan Pelan Lokasi Rak



KMK Warisan bersama trofi kemenangan di Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) Peringkat Kebangsaan ke 20 bagi Sektor Awam dan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 2003



KMK Pantas memperoleh tempat ke-4 di Konvensyen KMK ke-5

Sumber :

- Berita Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (September 1998)
- Berita Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (Januari 2005)
- Laporan Tahunan Perpustakaan (1999- 2000)